

Harga simen naik sehingga 2.1 peratus bulan lalu

Indeks harga seunit simen mencatatkan peningkatan antara 0.1 peratus hingga 2.1 peratus bagi beberapa kawasan di Semenanjung, Sabah dan Sarawak, demikian menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata peningkatan tertinggi adalah di kawasan Selangor, Kuala Lumpur, Melaka serta Negeri Sembilan (2.1 peratus) diikuti Pahang (1.6 peratus) dan Kuching (0.1 peratus).

"Selain itu, indeks harga seunit batu baur merekodkan peningkatan antara 0.4 peratus hingga 0.6 peratus bagi kebanyakan kawasan pada Jun berbanding bulan terdahulu.

"Peningkatan tertinggi dicatatkan bagi kawasan Pulau Pinang, Kedah dan Perlis serta Kota Kinabalu (masing-masing 0.6 peratus)," katanya dalam satu kenyataan laporan indeks harga seunit bahan binaan utama dan Indeks Kos Bahan Binaan Bangunan (IKB) yang dikeluarkan DOSM, semalam.

Ketua Perangkawan berkata, perbandingan tahunan untuk tempoh Jun 2023 hingga Jun 2024 menunjukkan indeks harga seunit simen meningkat antara 0.4 peratus hingga 4.7 peratus bagi hampir semua kawasan di Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

"Peningkatan tertinggi direkodkan di kawasan Selangor, Kuala Lumpur, Melaka dan Negeri Sembilan (4.7 peratus), diikuti dengan Tawau (2.2 peratus), Pulau Pinang, Kedah dan Perlis (2.0 peratus) serta Pahang (1.6 peratus)," katanya.

Mohd Uzir turut menyatakan bahawa perbandingan bulanan mencatatkan peningkatan kecil dalam indeks harga seunit besi bagi beberapa kawasan.

Beliau berkata, peningkatan tertinggi adalah di kawasan Sibu (0.4 peratus), Kota Kinabalu (0.2 peratus) dan Pulau Pinang, Kedah dan Perlis (0.1 peratus).

Perbandingan bulanan turut mencatatkan indeks seunit harga struktur keluli dan logam kekal tidak berubah bagi kebanyakan kawasan di Semenanjung, Sabah dan Sarawak pada Jun.

Namun, ada sedikit penurunan dalam indeks harga bahan ini di kawasan Pulau Pinang, Kedah dan Perlis (-0.7 peratus), diikuti Kuching (-0.6 peratus) dan Kota Kinabalu (-0.2 peratus).